

# ANALISIS KEPERLUAN PARAMETER SYARIAH DALAM PERUBATAN MELAYU TRADISIONAL

## NEEDS ANALYSIS OF SHARIAH PARAMETERS IN TRADITIONAL MALAY MEDICINE

Kamarul Azuan Shah Mohd Mashuti<sup>1</sup>

Muhammad Yusri Yusof @ Salleh<sup>2\*</sup>

Nor Adila Mohd Noor<sup>3</sup>

Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin<sup>4</sup>

<sup>1</sup>Postgraduate Student, Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia/ Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPPDG) Negeri Perak.

(E-Mail: kamarulazuanshah@gmail.com)

<sup>2</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-Mail: yusri613@uitm.edu.my)

<sup>3</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Terengganu Branch, Dungun Campus, Dungun, 23000 Terengganu, Malaysia.

(E-Mail: norad852@uitm.edu.my)

<sup>4</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia.

(E-Mail: mohdz560@uitm.edu.my)

\*Corresponding author: yusri613@uitm.edu.my

### Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

### To cite this document:

Mohd Mashuti, K. A. S., Salleh @ Yusof, M. Y., Mohd Noor, N. A., & Zainal Abidin, M. Z. H. (2025). Keperluan parameter syariah dalam perubatan Melayu tradisional. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 446 - 454.

**Abstrak:** Perubatan Melayu tradisional merupakan satu bentuk amalan kesihatan warisan yang telah diamalkan sejak sekian lama oleh masyarakat Melayu berdasarkan ramuan herba, doa-doa tertentu, ritual pemulihan, kefahaman holistik terhadap tubuh badan dan keseimbangan alam. Walaupun ia terbukti berperanan dalam menyokong kesejahteraan fizikal dan spiritual masyarakat, wujud keperluan untuk menilai kesesuaianya dari sudut hukum Syariah. Hal ini penting bagi memastikan amalan perubatan tersebut tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip tauhid, tidak mengandungi unsur syirik, khurafat, atau penggunaan bahan yang diharamkan. Kajian ini bertujuan meneliti keperluan penggubalan parameter Syariah yang boleh dijadikan asas penilaian terhadap kesahihan dan kebolehterimaan perubatan Melayu tradisional dalam kalangan umat Islam. Pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan dan sorotan literatur digunakan untuk mengkaji kerangka prinsip-prinsip Syariah seperti hifz al-din, hifz al-nafs, dan hifz al-'aql, serta kaedah fiqh seperti sad al-zari'ah, maslahah mursalah, dan qawa'id fiqhiyyah dalam menilai amalan perubatan tradisional. Dapatan kajian menunjukkan bahawa wujud beberapa elemen yang boleh diterima Syariah seperti penggunaan tumbuhan semula jadi dan rawatan secara urutan atau bekam manakala elemen lain seperti seruan roh, pemujaan atau penggunaan jampi yang tidak diketahui maksudnya perlu disaring

dan diteliti. Justeru, suatu parameter Syariah yang tersusun dan berpandukan sumber hukum Islam amat diperlukan bagi menilai, menyaring dan menstrukturkan perubatan Melayu tradisional ke arah pemurnian syariah dan pemeliharaan akidah umat Islam.

**Kata kunci:** Perubatan Melayu, Syariah, parameter, fiqh perubatan, tradisional, akidah, maslahah.

**Abstract:** Traditional Malay medicine is a longstanding heritage-based health practice among the Malay community, founded on the use of herbal remedies, specific incantations, healing rituals, and a holistic understanding of bodily balance and the natural environment. While these practices have proven to support both physical and spiritual well-being, there is a critical need to assess their compatibility with Shariah principles. This is essential to ensure that such treatments do not contradict the tenets of Islamic monotheism (tawhid), or involve elements of shirk, superstition (khurafat), or the use of impermissible substances. This study aims to examine the need for establishing clear Shariah parameters that can serve as evaluative criteria for the legitimacy and acceptability of traditional Malay medicine among Muslim communities. A qualitative approach through content analysis and literature review is employed to explore relevant Shariah principles, particularly hifz al-din (protection of religion), hifz al-nafs (protection of life), and hifz al-'aql (protection of intellect), alongside fiqh methodologies such as sad al-zari'ah (blocking the means to harm), maslahah mursalah (public interest), and qawa'id fiqhiiyyah (legal maxims) in evaluating traditional healing practices. The findings reveal that certain elements are Shariah-compliant, such as the use of natural herbs and physical therapies like cupping (bekam) or massage, whereas others such as spiritual summoning, invocation rituals, or unintelligible charms require careful scrutiny. Thus, a structured Shariah-based parameter is urgently needed to filter, refine, and legitimise traditional Malay medicine in alignment with Islamic teachings, ensuring the preservation of Muslim faith and ethical integrity.

**Keywords:** Malay medicine, Shariah, parameters, Islamic jurisprudence, traditional healing, faith, maslahah.

## Pengenalan


Perubatan Melayu tradisional merupakan salah satu warisan budaya bangsa yang telah diamalkan sejak turun-temurun dalam masyarakat Melayu. Ia merangkumi pelbagai bentuk rawatan yang berpaksikan alam semula jadi dan kebijaksanaan tempatan seperti penggunaan herba, kaedah urutan, jampi serapah, rawatan batin dan pemulihan tenaga spiritual (Sabri, 2024). Amalan ini berkembang selari dengan falsafah hidup masyarakat Melayu yang menekankan keseimbangan antara jasmani, rohani dan unsur alam. Dalam konteks sejarah dan antropologi perubatan, sistem ini telah berfungsi bukan sahaja sebagai mekanisme rawatan penyakit, malah sebagai sebahagian daripada struktur sosial dan keagamaan masyarakat tradisional (Bakar & Hasbullah, 2011). Namun begitu, dalam era moden yang menyaksikan kebangkitan kesedaran keagamaan dan ketelitian terhadap pematuhan Syariah, timbul pelbagai persoalan mengenai kesahihan amalan perubatan Melayu tradisional dari sudut hukum Islam (Muhammad Shukri, 2024). Beberapa elemen dalam perubatan ini seperti penggunaan mantera yang tidak difahami, penglibatan roh, pemujaan entiti ghaib atau kebergantungan kepada objek tertentu sebagai medium penyembuhan telah menimbulkan keraguan terhadap tahap ketulenan tauhid dan keabsahan hukum dalam kalangan umat Islam (Abdul Aziz, 2024). Tambahan pula,

perubatan ini kadangkala beroperasi tanpa kawal selia formal, menjadikan sempadan antara yang harus dan yang syubhah kabur dan mudah disalah tafsir.

Sehubungan itu, keperluan untuk merangka parameter Syariah yang tersusun dan holistik adalah amat penting bagi memastikan bahawa perubatan Melayu tradisional yang diamalkan hari ini benar-benar selari dengan prinsip-prinsip utama dalam Syariah. Pendekatan ini perlu berasaskan prinsip maqasid Syariah seperti pemeliharaan agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), dan akal (*hifz al-'aql*), serta menggunakan kaedah fiqh kontemporari seperti *maslahah mursalah*, *sad al-zari 'ah* dan *qawa'id fiqhiyyah* bagi menilai setiap bentuk amalan secara objektif dan sistematik. Oleh itu, kajian ini akan meneliti secara kritikal keperluan penggubalan parameter Syariah terhadap amalan perubatan Melayu tradisional dalam usaha memurnikan warisan ini agar ia dapat terus berkembang dalam kerangka Islam yang sahih dan bermanfaat kepada umat.

### Metodologi Kajian

Penggunaan kaedah yang tersusun untuk menilai sama ada amalan perubatan tradisional Melayu selari dengan prinsip Syariah menurut kajian ini. Rajah di bawah menunjukkan cara dan langkah kajian dijalankan.



**Rajah 1: Aliran Metodologi Kajian**

Sumber: Analisis pengkaji.

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara analisis kandungan dan teks bersesuaian dengan sifat kajiannya yang berfokus kepada penilaian prinsip Syariah terhadap amalan perubatan tradisional Melayu. Pendekatan ini membolehkan peneliti menelusuri dan menilai kandungan teks klasik dan kontemporari yang berkaitan dengan hukum Islam serta bahan-bahan etnografi yang menjelaskan bentuk, maksud dan aplikasi sebenar rawatan tradisional dalam masyarakat Melayu (Oranga & Matere, 2023). Sumber utama kajian ini terdiri daripada karya-karya fiqh muktabar daripada mazhab Syafi'i, Maliki, Hanafi dan Hanbali termasuk kitab seperti *Al-Majmu'* oleh al-Nawawi dan *Bidayat al-Mujtahid* oleh Ibn Rushd. Selain itu, kajian ini turut merujuk kepada dokumen rasmi seperti keputusan Muzakarah Fatwa Kebangsaan, garis panduan KKM, artikel akademik dan penulisan etnografi tempatan berkenaan perubatan tradisional. Kaedah pengumpulan data dilakukan secara telaah literatur terhadap sumber-sumber hukum dan rekod amalan perubatan tradisional. Bahan kajian meliputi jampi, doa, ritual serta teknik rawatan yang digunakan oleh pengamal tradisional yang dianalisis dari sudut sejauh

mana ia selari atau bercanggah dengan prinsip-prinsip Syariah. Data yang dikumpul dianalisis secara tematik dengan memberi penekanan kepada prinsip maqasid Syariah seperti *hifz al-din* (penjagaan agama), *hifz al-nafs* (penjagaan nyawa), dan *hifz al-'aql* (penjagaan akal). Kaedah fiqh seperti *qiyyas* (analogi), *sad al-zari'ah* (penutupan jalan kemudaratan) dan *maslahah mursalah* (kepentingan umum) turut digunakan sebagai kerangka analisis hukum terhadap elemen-elemen yang kabur atau tidak mempunyai dalil khusus. Penelitian ini juga mengambil kira kerangka *qawa'id fiqhiiyah* seperti *al-yaqin la yazulu bi al-shakk* (keyakinan tidak hilang dengan keraguan) dan *al-'adah muhakkamah* (adat diterima sebagai hujah) dalam menilai amalan yang berakar daripada budaya tempatan.

Pendekatan triangulasi sumber digunakan bagi memastikan kebolehpercayaan dan ketekalan dapatan dengan membandingkan hasil analisis fiqh dengan amalan sebenar di lapangan seperti yang direkodkan dalam jurnal etnografi dan laporan amalan pengubatan tradisional (Arianto, 2024). Justeru, metodologi ini diharap dapat menghasilkan satu kerangka parameter Syariah yang berimpak, berautoriti dan sesuai diaplisasikan dalam penilaian dan pemurnian amalan perubatan Melayu tradisional.

### Sorotan Literatur

Kajian mengenai perubatan Melayu tradisional telah menarik perhatian ramai sarjana dalam bidang antropologi, perubatan dan pengajian Islam khususnya dalam usaha meneliti keserasian amalan tersebut dengan prinsip Syariah. Perubatan tradisional Melayu merupakan warisan turun-temurun yang menggabungkan unsur-unsur jasmani, rohani dan alam sekitar dalam proses penyembuhan. Menurut Harun (2012), sistem perubatan ini bukan sahaja menggunakan ramuan herba dan kaedah urutan tetapi juga melibatkan unsur metafizik seperti jampi, seruan roh dan ritual tertentu yang sukar untuk dipisahkan daripada latar kepercayaan masyarakat lama. Kajian oleh Ismail dan Nasir (2020) menegaskan bahawa walaupun sesetengah aspek perubatan Melayu tradisional boleh diterima dalam kerangka perubatan Islam, terdapat juga elemen-elemen yang perlu ditapis kerana berisiko mencemari aqidah terutama yang melibatkan unsur syirik dan khurafat. Dalam kerangka hukum Islam, prinsip *hifz al-din* (penjagaan agama) dan *sad al-zari'ah* (menutup jalan ke arah kemudaratan) menjadi asas dalam menilai kesahihan sesuatu amalan perubatan. Al-Qaradawi (1994) dalam karyanya *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam* menyatakan bahawa setiap amalan yang boleh membawa kepada kekeliruan dalam akidah atau menyerupai ritual yang bertentangan dengan tauhid mestilah dielakkan. Dalam konteks ini, perubatan Melayu tradisional yang mengandungi unsur pemujaan atau pergantungan kepada makhluk ghairi tanpa dalil syarak hendaklah disemak semula dan diharmonikan mengikut prinsip fiqh. Hal ini turut disokong oleh Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2019) yang menggariskan tentang perubatan tradisional yang ingin diterima oleh umat Islam perlu dinilai berdasarkan parameter Syariah yang jelas, antaranya ialah bebas daripada unsur haram, tidak mendatangkan mudarat dan selari dengan maqasid Syariah.

Selain itu, konsep *maslahah mursalah* (kepentingan umum) dan *qawa'id fiqhiiyah* seperti *al-'adah muhakkamah* (adat diterima sebagai hujah) turut menjadi rujukan penting dalam mengimbangi antara pelestarian budaya dan kepatuhan terhadap Syariah. Menurut Kamali (2008), adat yang tidak bercanggah dengan nas syarak boleh diterima sebagai dasar hukum terutamanya dalam isu-isu semasa yang tidak mempunyai dalil khusus. Dalam hal ini, perubatan Melayu tradisional yang berdasarkan penggunaan herba, teknik urutan dan terapi semula jadi dilihat sebagai berpotensi besar untuk diterima, dengan syarat ia disemak mengikut kaedah pentafsiran hukum Islam secara kontekstual. Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan keperluan yang mendesak untuk menggubal satu set parameter Syariah yang

boleh dijadikan panduan dalam menyaring dan menilai amalan perubatan Melayu tradisional. Ini penting bagi memastikan warisan perubatan tersebut bukan sahaja dapat dipelihara, malah dimurnikan agar selari dengan aqidah Islam, nilai-nilai maqasid, dan prinsip Syariah yang menyeluruh.

### Dapatan Kajian dan Perbincangan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa perubatan Melayu tradisional merangkumi pelbagai bentuk rawatan yang bercampur antara unsur perubatan herba, terapi jasmani dan elemen spiritual yang mencerminkan kepercayaan masyarakat silam (Kamaruddin et al., 2020). Terdapat aspek-aspek yang berpotensi untuk diterima dalam kerangka Syariah, namun pada masa yang sama, wujud amalan yang perlu disaring kerana bercanggah dengan prinsip-prinsip asas Islam.

Pertama, dari sudut penggunaan bahan dan kaedah rawatan fizikal, kajian mendapati bahawa kebanyakan ramuan berasaskan herba dan tumbuhan semula jadi adalah selari dengan prinsip *maslahah* dan *hifz al-nafs* dalam maqasid Syariah. Contohnya, amalan berbekam, mandian herba dan urutan tradisional yang bertujuan memulihkan keseimbangan tubuh badan tidak bercanggah dengan Syariah dan bahkan bertepatan dengan sunnah jika dilaksanakan dengan niat dan kaedah yang betul (Mohamed, 2022). Malah, hadis Nabi SAW yang menyatakan “kesembuhan itu ada pada tiga perkara, satu daripadanya adalah bekam” (al-Bukhari, 2001) menunjukkan bahawa sebahagian terapi fizikal tradisional boleh diterima dan digalakkan dalam Islam. Namun begitu, aspek ritual dan unsur ghaib dalam sesetengah rawatan masih menimbulkan persoalan serius dari sudut Syariah. Kajian oleh Ab Hamid & Nik Abdul Majid (2023) mendapati bahawa terdapat amalan perubatan yang menggunakan jampi serapah, seruan roh, pemujaan semangat atau penggunaan azimat yang tidak diketahui maksudnya. Perbuatan seperti ini berpotensi melibatkan unsur syirik jika kebergantungan terhadap makhluk selain Allah berlaku secara mutlak (Shahrul Bariah & Mohd Izhar, 2016). Dalam kes tertentu, pengamal perubatan didapati menggunakan nama-nama asing yang menyerupai pemujaan atau menyandarkan kesembuhan kepada entiti ghaib tanpa nas. Hal ini bercanggah dengan prinsip *hifz al-din* serta melanggar larangan syarak seperti firman Allah SWT:


*“Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu adalah kepunyaan Allah, maka janganlah kamu menyembah sesuatu pun di dalamnya selain daripada Allah”*  
(Surah al-Jinn, 72:18)

Melihat pada sudut metodologi hukum, kajian ini mengaplikasikan kaedah *sad al-zari ‘ah*, iaitu menutup jalan-jalan yang boleh membawa kepada kemungkaran. Dalam hal ini, walaupun amalan tertentu pada zahirnya kelihatan neutral, jika ia berpotensi membawa kepada kesamaran akidah atau kelalaian terhadap tauhid, maka ia wajar dielakkan (al-Qaradawi, 1994). Begitu juga dengan penggunaan kaedah *maslahah mursalah* yang menekankan bahawa sebarang amalan yang mendatangkan manfaat umum dan tidak bercanggah dengan nas syarak boleh diterima sebagai hujah hukum yang bertepatan dengan kajian oleh Azwar (2020). Sebagai contoh, rawatan menggunakan teknik meditasi atau pernafasan dalam yang membantu menenangkan pesakit selagi tidak disertai unsur pemujaan boleh dianggap harus berdasarkan pertimbangan maslahat. Dalam analisis terhadap unsur adat dan budaya, prinsip *al-‘adah muhakkamah* digunakan bagi menilai bahawa adat tempatan boleh dijadikan hujah sekiranya tidak bertentangan dengan syarak (Kamali, 2008). Oleh itu, amalan perubatan Melayu yang berasaskan pengalaman, kepercayaan positif dan keseimbangan unsur alam masih boleh diterima sekiranya ditapis dan disesuaikan dengan aqidah Islam. Pendekatan ini menunjukkan

bahawa parameter Syariah bukanlah bersifat menolak secara total tetapi menyaring dengan prinsip tauhid sebagai neraca utama. Keseluruhannya, dapatan kajian ini membuktikan bahawa perubatan Melayu tradisional perlu diuruskan melalui satu kerangka parameter Syariah yang sistematik dan kontekstual. Ini bertujuan untuk memastikan hanya amalan yang selamat, beretika dan sah dari segi akidah serta fiqh sahaja yang dibenarkan untuk diamalkan oleh umat Islam (Ahamd et al., 2024). Dengan adanya panduan yang jelas, perubatan Melayu dapat dimartabatkan sebagai satu bentuk rawatan pelengkap yang bukan sahaja bersifat budaya tetapi juga selari dengan prinsip agama yang syumul.

### Parameter Syariah dalam Perubatan Melayu Tradisional (PMT)

Parameter Syariah merujuk kepada satu set ukuran dan prinsip hukum Islam yang digunakan untuk menilai kesahihan, kesesuaian dan kebolehterimaan sesuatu amalan dalam kerangka hukum yang berlandaskan al-Qur'an, al-Sunnah, *ijma'* dan *qiyas* serta dilengkapkan dengan pendekatan maqasid Syariah dan kaedah fiqhiiyah. Dalam konteks perubatan Melayu tradisional, parameter ini amat penting sebagai garis pemisah antara amalan yang dibenarkan dan yang bertentangan dengan ajaran Islam, terutama dalam isu-isu yang menyentuh aspek akidah, ibadah, kebersihan dan kemudharatan. Berikut adalah lima aspek utama parameter Syariah dalam Perubatan Melayu Tradisional:



**Rajah 2: 5 Aspek Parameter Syariah dalam PMT**

Sumber: Analisis pengkaji.

Parameter pertama yang mesti diberi perhatian ialah pemeliharaan akidah (*hifz al-din*). Setiap bentuk rawatan atau kaedah penyembuhan yang melibatkan kebergantungan kepada unsur ghaib seperti seruan roh, pemujaan makhluk halus, penggunaan azimat atau jampi yang tidak difahami maknanya hendaklah ditolak kerana berpotensi membawa kepada *syirk* atau kesamaran dalam konsep tauhid. Sebagaimana dinyatakan oleh al-Qaradawi (1994), segala bentuk amalan yang bercanggah dengan keesaan Allah atau menyerupai adat keagamaan yang bertentangan dengan Islam, wajib ditolak walaupun ia berakar daripada adat atau budaya.

Parameter kedua adalah berkaitan dengan penjagaan nyawa (*hifz al-nafs*) dan keselamatan pesakit. Setiap bentuk rawatan mestilah tidak mendarangkan kemudaratan sama ada secara fizikal maupun psikologikal. Prinsip *la darar wa la dirar* menetapkan bahawa sebarang bentuk mudarat sama ada nyata atau berpotensi hendaklah dielakkan. Oleh itu, kaedah rawatan yang menggunakan bahan toksik, amalan yang menyebabkan pesakit trauma atau ritual yang mendorong kepada gangguan emosi perlu dikaji semula (Aminudin, 2020). Dalam hal ini, perubatan yang menggunakan herba, terapi urutan atau rawatan fizikal yang terbukti tidak mendarangkan kesan negatif boleh diterima dengan syarat mendapat pengesahan keselamatan.

Parameter ketiga ialah pematuhan terhadap hukum najis dan kebersihan (*taharah*). Dalam Syariah, kebersihan merupakan asas sah ibadah maka sebarang bentuk rawatan yang melibatkan sentuhan bahan najis atau persekitaran yang tidak bersih perlu diteliti. Sebagai contoh, penggunaan bahan mentah haiwan yang tidak disembelih secara syarak, darah atau unsur najis perlu dielakkan melainkan terdapat keperluan perubatan yang jelas dan disahkan tiada alternatif lain menurut kaedah *darurah tubih al-mahzurat* (darurat membolehkan yang dilarang).

Parameter keempat ialah penilaian melalui pendekatan *maslahah mursalah*, iaitu mempertimbangkan manfaat umum dalam sesebuah amalan perubatan sekiranya tiada nas yang jelas. Sebagai contoh, rawatan menggunakan teknik meditasi atau pernafasan dalam yang membantu pesakit menenangkan diri boleh diterima jika tidak disertai unsur pemujaan atau kepercayaan batil. Ini menunjukkan fleksibiliti Syariah dalam menerima inovasi dan adat yang bermanfaat asalkan tidak menyalahi prinsip asas hukum.

Parameter kelima pula berpaksikan prinsip *al-'adah muhakkamah*, iaitu adat boleh dijadikan sandaran hukum jika tidak bertentangan dengan Syariah. Dalam konteks ini, banyak amalan perubatan Melayu tradisional berasal daripada adat setempat dan pengalaman turun-temurun. Justeru, ia perlu dikaji secara objektif bukan ditolak secara menyeluruh tetapi dinilai melalui pendekatan fiqh semasa seperti *qiyas*, *istihsan*, dan *istislah*.

Dengan menggabungkan semua parameter ini, perubatan Melayu tradisional dapat dimurnikan dan diselaraskan dalam rangka hukum Islam secara holistik. Ia membolehkan pemisahan yang jelas antara aspek yang bersifat budaya dengan unsur yang boleh menjelaskan keimanan dan akhlak umat Islam. Maka, penggubalan parameter Syariah yang sistematik, disepakati oleh pakar fiqh, pengamal perubatan dan ahli budaya merupakan langkah penting bagi memastikan kesatuan antara keaslian warisan dan kesahihan Syariah dalam amalan perubatan masyarakat Muslim masa kini.

## Kesimpulan

Perubatan Melayu tradisional merupakan satu bentuk warisan perubatan etnosains yang signifikan dalam sejarah masyarakat Melayu, namun penggunaannya dalam kalangan umat Islam perlu dinilai semula melalui kerangka hukum Syariah agar tidak bercanggah dengan prinsip asas akidah dan fiqh. Kajian ini mendapati bahawa perubatan Melayu tradisional mengandungi elemen yang pelbagai ada yang boleh diterima dari sudut Syariah seperti penggunaan herba dan rawatan fizikal, dan ada juga yang bercanggah seperti pemujaan roh, penggunaan jampi yang tidak difahami serta kebergantungan kepada entiti ghaib yang berpotensi menjelaskan prinsip tauhid (Mohamad & Yusuff, 2018). Dapatkan ini menunjukkan bahawa tanpa parameter Syariah yang jelas, amalan-amalan perubatan tersebut mudah terdedah kepada unsur syubhah, khurafat dan kekeliruan hukum dalam kalangan masyarakat awam. Oleh

itu, keperluan menggubal satu set garis panduan Syariah yang sistematik dan menyeluruh amat mendesak bagi memastikan bahawa perubatan Melayu yang diwarisi dapat dipelihara tanpa menjelaskan kesucian ajaran Islam.

Sehubungan dengan itu, kajian ini mencadangkan beberapa langkah strategik. Pertama, pihak berautoriti seperti JAKIM, Jabatan Mufti Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) wajar menggubal satu parameter Syariah rasmi yang boleh dijadikan rujukan dalam menyaring amalan perubatan Melayu tradisional. Garis panduan ini haruslah melibatkan pakar fiqh, pengamal perubatan tradisional berdaftar dan penyelidik budaya agar pertimbangan hukum diselaraskan dengan kefahaman praktikal dan konteks budaya tempatan. Kedua, pendidikan awam dan latihan khusus kepada pengamal perubatan tradisional perlu dilaksanakan supaya mereka memahami batasan antara rawatan yang dibenarkan dan dilarang dalam Islam. Ketiga, kajian lanjutan secara lapangan dan hukum perlu dijalankan secara bersepada bagi mengklasifikasikan bentuk-bentuk amalan yang wujud di lapangan dan menilai statusnya secara hukum berdasarkan pendekatan maqasid Syariah, maslahah mursalah dan qawa'id fiqhiiyyah. Dengan adanya usaha-usaha ini, diharapkan perubatan Melayu tradisional dapat terus dilestarikan secara beradab, beretika dan berpaksikan Syariah selari dengan kehendak umat Islam masa kini.

## Rujukan

- Ab Hamid, N., & Nik Abdul Majid, N.S. (2023). Peranan pihak berautoriti menangani penyelewengan dalam amalan perubatan Islam di Malaysia: Analisis pendekatan dakwah. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*, 29, 211-231.
- Abdul Aziz, A. (2024). *Simptom penyelewengan terhadap Islam*. Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera.
- Ahmad, H., AB Rahman, K., & Sulaiman, M., (2024). *Pengamalan etika Islam dalam perubatan: Kupasan prinsip hukum dan maqasid Syariah*. UMPSA Publisher.
- Al-Qaradawi, Y. (1994). *Al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Al-Falah Foundation.
- Aminudin, N. I. (2020). *Rawatan COVID-19 menggunakan ubat tradisional: Permasalahan dan potensi*. MajalahSains. <https://majalahsains.com/rawatan-covid-19-menggunakan-ubat-tradisional-permasalahan-dan-potensi>
- Arianto, B. (2024). *Triangulasi metoda penelitian kualitatif*. Borneo Novelty Publishing.
- Azwar, Z. (2020). Pemikiran ushul fiqih al-Ghazali tentang al-masalah al-mursalah. *Jurnal Kajian Ilmu-Ilmu Keislaman*, 1(1). 47-70.
- Bakar, M., & Hasbullah, W. A. H. (2011). Unsur peradaban Melayu-Islam dalam amalan perubatan spiritual masyarakat Melayu Kelantan, Malaysia: Satu tinjauan kritis. Dalam *Seminar Internasional Serumpun Melayu V*, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah law: An introduction*. Oneworld Publications.
- Kamaruddin, M.Q., Ripin, M.N., Haron, Z., & Mustafa, N. (2020). Tasawur perubatan Melayu berdasarkan kitab perubatan Melayu. *UMRAN- Journal of Islamic and Civilisational Studies*, 6(3-2), 39-54.
- Mohamad, M.Z., & Yusuff, N.A. (2018). Unsur-unsur kepercayaan dinamisme dalam perubatan tradisional Melayu Kelantan. *International Conference on Ummah ICU*.
- Mohamed, N. A. (2022, January 14). Lindungi kesucian Islam daripada amalan khurafat. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/183026/edisi/lindungi-kesucian-islam-daripada-amalan-khurafat>
- Muhammad Shukri, N. A. A. (2024, January 15). UMPSA anjur seminar isu akidah dan syariat dalam amalan perubatan. *UMPSA News*. <https://news.umpsa.edu.my/general/umpsa-anjur-seminar-isu-akidah-dah-syariat-dalam-amalan-perubatan>

Oranga, J., & Matere, A. (2023). Qualitative research: Essence, types and *advantages*. *Open Access Library Journal*, 10, 1-9.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2019, July 3). *Bayan Linnas Siri ke-189: Maqasid Syariah dalam perubatan*. <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/3541-bayan-linnas-siri-ke-189-maqasid-syariah-dalam-perubatan>

Sabri, A. R. (2024, October 1). Warisan Melayu, bomoh sejati kuasai sains perubatan herba, akar kayu. *Selangorkini*. <https://selangorkini.my/2024/10/warisan-melayu-bomoh-sejati-kuasai-sains-perubatan-herba-akar-kayu>